

**Khalid Ibrahim setiausaha agung baru PKR**  
**Malaysiakini.com**  
**May 27, 2007**  
**Muda Mohd Noor**

Parti Keadilan Rakyat (PKR) mengumumkan rombakan kepimpinan baru parti yang berkuatkuasa serta merta bagi menguatkan parti menjelang pilihanraya umum akan datang.

Tan Sri Khalid Ibrahim yang sebelum ini merupakan bendahari agung, kini dilantik menjadi setiausaha agung menggantikan Datuk Kamarul Baharin Abas.

Manakala peguam yang juga Pengarah Jawatankuasa Pilihanraya parti (JKP), William Leong menjadi bendahari agung yang baru.

Pengumuman tersebut dibuat oleh Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa menyampaikan ucapan penangguhan dalam kongres nasional PKR di Seremban hari ini.

Peguam Sivarasa Rasiah dan Pengerusi Perhubungan PKR Sabah, Dr Jeffery Kitingan dilantik sebagai naib presiden. Tiga naib presiden yang menang dalam pemilihan semalam ialah Azmin Ali, Dr Lee Boon Chye dan Mustaffa Kamil Ayub.

Anwar juga mengumumkan Azmin terus kekal sebagai pengarah pilihanraya PKR. Bagaimanapun beliau akan dibantu oleh bekas ketua wanita, Fuziah Salleh yang dilantik sebagai timbalan pengarah pilihanraya PKR.

"Biro Politik sangat penting dan menjadi tunjang keseluruhan kepada PKR," kata Anwar.

Manakala bekas pemangku Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK), Saifuddin Nasution Ismail yang juga bekas ahli Dewan Undangan Negeri Lunas, dilantik sebagai pengarah strategi PKR.

### **Pengerusi negeri**

Tian Chua kekal sebagai ketua penerangan, manakala kedudukan Kamarul Baharin akan ditentukan kemudian.

Anwar berkata, khidmat semua pengerusi perhubungan negeri tamat mulai hari ini dan sama ada mereka dilantik semula atau tidak, akan dibuat seminggu lagi.

Anwar berkata, mulai hari ini, ahli dan pemimpin parti tidak dibenarkan membuat sebarang kenyataan negatif mengenai PAS dan DAP.

"Kita akan membersihkan parti dan orang yang cuba merosakkan parti, tidak akan ada tempat dalam PKR," katanya.

Anwar berkata, beliau dan parti menghargai sumbangan pemimpin terdahulu termasuk Ezam Mohd Noor yang begitu banyak mencurahkan jasa kepada parti.

"Beliau sudah cukup 40 tahun dan melepaskan jawatan untuk bergerak dalam Gerakan Demokrasi dan Anti Korupsi (Gerak) tetapi beliau memainkan peranan penting dalam pilihanraya kecil Ijok baru-baru ini," katanya.

Anwar menjelaskan, parti akan mengadakan rundingan dengan PAS dan DAP sebelum membuat keputusan muktamad mengenai pilihanraya umum akan datang.

Beliau juga berpuashati dengan kerjasama antara parti pembangkang tersebut selama ini.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malysiakini.com/news/67795>